

JPV sedia alat ibadah korban HM K

Kuala Terengganu: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu menyerahkan besi cangkuk, papan pemotong daging dan meja khas kepada 23 masjid di Kuala Terengganu dan Marang bagi memastikan penduduk dapat menjalankan proses ibadah korban mengikut kaedah selamat serta bersih.

Pengarah JPV Terengganu Dr Abd Razak Mohd Zailan berkata, penyerahan peralatan menguruskan daging korban itu bertujuan menggalakkan orang awam yang menjalankan kerja penyembelihan mengikut kaedah ditetapkan jabatan terbabit.

"Menyembelih dan menguruskan daging korban termasuk kerja melapah yang dijalankan mengikut kaedah tradisional boleh mengundang penyakit disebabkan jangkitan kuman.

"JPV mengambil inisiatif membekalkan peralatan yang dirasakan perlu bagi mendorong penduduk terutama kariah masjid di dua daerah itu menjalankan ibadah korban dengan kaedah ditetapkan iaitu bersih dan bebas penyakit," katanya kepada media selepas Program Taklimat Ibadah Korban, di sini, semalam.



DR Abd Razak (kiri) menunjukkan penyangkut dan papan pemotong.

Abd Razak berkata, pemberian papan pemotong daging dan meja khas itu akan dapat membantu pihak menjalankan ibadah korban mengelakkan daging dipotong diuruskan di atas tanah yang boleh menyebabkan jangkitan kuman.

"Cangkuk pula akan memberi kemudahan kepada penduduk untuk menggantung daging seterusnya mengelakkan daging terkena tanah.

"Pengurusan daging korban mengikut kaedah yang ditetapkan JPV akan menjamin kualiti daging itu dan paling penting ia bebas daripada dijangkiti sebarang penyakit," katanya.

Menurutnya, sebanyak 2,500 ekor lembu direkod-

kan akan disembelih untuk ibadah korban sempena Aidiladha di seluruh negeri tidak lama lagi.

"Sehingga kini, jumlah lembu untuk ibadah korban mencukupi dan lesen menyembelih di luar Pusat Penyembelihan JPV bagi tujuan ibadah korban dituluskan dan masih dibuka untuk permohonan.

"Sekali lagi saya ingatkan bahawa pihak yang ingin menjalankan aktiviti penyembelihan di luar pusat menyembelih perlu permohonan kebenaran daripada JPV terlebih dahulu," katanya.

Menurutnya, lembu yang hendak disembelih bagi tujuan ibadah korban perlu diperiksa JPV bagi memastikan bebas penyakit.